

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN DEPOSIT BERTEMPOH-i

Yang berikut adalah Terma dan Syarat Am dan Khusus yang mengawal pembukaan dan pengendalian Akaun Deposit Bertempoh-i (DB-i) dengan Bank.

Bahagian A: Syariah dan Murabahah Komoditi

1. Undang-undang Syariah

- 1.1 Pengendalian akaun ini akan tertakluk pada bentuk perniagaan atau pekerjaan saya/kami yang tidak menyalahi Undang-undang dan prinsip Syariah. Bank berhak untuk menutup akaun jika bentuk perniagaan atau pekerjaan saya/kami telah bertukar daripada aktiviti sah di sisi undang-undang (halal) kepada yang menyalahi undang-undang/dilarang (haram).
- 1.2 Bank berhak untuk menolak apa-apa bentuk deposit yang diperoleh daripada sumber yang menyalahi undang-undang/dilarang (haram) menurut Undang-undang Syariah.

2. Murabahah Komoditi melalui Pengaturan Tawarruq

- 2.1 Kontrak Syariah yang diterima pakai ialah Murabahah Komoditi (MK) melalui Pengaturan Tawarruq yang mana Pelanggan melantik Bank di bawah kontrak Wakalah, sebagai ejennya untuk membeli Komoditi daripada mana-mana peniaga komoditi dan selepas itu menjual Komoditi kepada Bank di bawah kontrak Murabahah/Musawamah secara bayaran tertunda.
- 2.2 "Komoditi" merujuk komoditi yang halal dan mematuhi prinsip Syariah, tanpa jaminan Bank terhadap kualiti, keadaan, kuantiti dan perihalan dan tanpa liabiliti terhadap apa-apa kehilangan atau penyusutan komoditi.
- 2.3 "Murabahah (kos campur keuntungan jualan)" ialah jualan suatu komoditi pada harga kos campur margin keuntungan yang dipersetujui yang mana penjual (pelanggan) secara lisan menyebut kos yang dialami bagi komoditi untuk jualan dan menjualnya kepada pembeli (Bank) dengan menaikkan kos dengan pengetahuan pembeli.
- 2.4 "Tawarruq" ialah suatu transaksi yang mana Bank membeli komoditi atas dasar pembayaran tertanggung pada harga kos campur margin keuntungan dan kemudian menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga atas dasar pembayaran serta-merta pada harga kos bagi tujuan untuk mendapatkan tunai segera.
- 2.5 "Wa'd" ialah janji satu pihak (unilateral) yang merujuk pada pernyataan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.
- 2.6 "Wakalah (Agensi)" ialah kontrak yang mana satu pihak memberi mandat kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diperuntukkan secara sukarela atau dengan pengenaan fi.
- 2.7 "Ibra' (Rebat)" bermaksud rebat yang mewakili "pengecualian bagi hak untuk menuntut" yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank yang mempunyai obligasi perlu dibayar kepada Pelanggan.

3. Pelantikan Bank sebagai Ejen

- 3.1 Berdasarkan kontrak Syariah Wakalah, Pelanggan melantik Bank dan Bank bersetuju untuk menerima pelantikan untuk bertindak sebagai ejen Pelanggan untuk menjalankan dan melaksanakan perdagangan komoditi untuk dan bagi pihak Pelanggan tertakluk pada dan mengikut terma untuk Terma dan Syarat ini. Bank hanya akan bertindak sebagai ejen Pelanggan dan tidak akan mengambil alih, atau dianggap mengambil alih, apa-apa obligasi lain kepada, atau mempunyai apa-apa hubungan istimewa dengan Pelanggan selain daripada yang mana peruntukan khusus dibuat dalam Terma dan Syarat ini.
- 3.2 Sebagai ejen Pelanggan, Bank akan, dalam Tempoh ini dan bertindak untuk dan bagi pihak Pelanggan, mempunyai kuasa dan kebenaran yang berikut:-
 - 3.2.1 Untuk membuat dan melaksanakan tindakan dan surat ikatan (dan melantik ejen untuk membuat dan menyempurnakan tindakan dan surat ikatan) berkenaan dengan pembelian Komoditi seperti yang ditentukan oleh Bank atas dasar tunai ("Urus niaga Pembelian"), bagi amaun yang didepositkan atau diperbaharui dengan Bank ("Harga Belian") melalui perjanjian pembelian, sijil dan/atau instrumen lain; untuk berunding dengan peniaga atau pembekal komoditi yang boleh diterima oleh Bank ("Pembekal") bagi pihak Pelanggan berhubung dengannya; dan untuk mengambil milikan (fizikal atau konstruktif) Komoditi;
 - 3.2.2 Untuk menjual Komoditi atas bayaran tertunda kepada Bank pada Harga Jualan bagi pihak Pelanggan dari semasa ke semasa dan untuk membuat dan melaksanakan semua tindakan dan surat ikatan (dan untuk melantik ejen untuk membuat dan melaksanakan tindakan dan surat ikatan itu) berhubung dengannya ("Urus niaga Jualan").("Urus niaga Pembelian" dan "Urus niaga Jualan" secara kolektif dirujuk sebagai "Urus niaga Murabahah Komoditi").
- 3.3 Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk membuat apa-apa urusan niaga, atau mengikut apa-apa arahan Pelanggan, jika pada pendapat Bank dengan membuat urusan niaga tersebut atau mengikut arahan sedemikian, Bank atau mana-mana ahli gabungannya akan melanggar apa-apa undang-undang, dasar, kaedah atau peraturan dengan syarat Bank hendaklah memaklumkan kepada Pelanggan dengan segera secara bertulis tentang berlakunya mana-mana peristiwa seumpama itu.

- 3.4 Pelanggan berhak untuk meminta dan menerima penghantaran Komoditi secara fizikal. Sekiranya Pelanggan menggunakan hak sedemikian untuk mengambil penghantaran secara fizikal, semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan penghantaran Komoditi secara fizikal hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.
- 3.5 Sekiranya Pelanggan memutuskan untuk mengambil penghantaran Komoditi secara fizikal, Bank tidak akan dapat menjalankan Urus niaga Jualan (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 3.2), oleh itu tiada keuntungan akan dibayar untuk Deposit Bertempoh-i.
- 3.6 Pelanggan akan menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi pada setiap masa terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin dibuat atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau yang ditanggung atau dikekalkan oleh Bank berikutan Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan untuk menyempurnakan Urus niaga Murabahah Komoditi atau pelanggaran oleh Pelanggan terhadap mana-mana obligasi Pelanggan dalam Terma dan Syarat ini kecuali untuk apa-apa kerugian atau kerosakan akibat keingkaran yang disengajakan oleh Bank, kecuaiian besar atau pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Bank. Indemniti ini akan terus terpakai walaupun selepas:-
- 3.6.1 Deposit Bertempoh-i oleh Pelanggan atau Bank ditutup; dan/atau
- 3.6.2 Hubungan jurubank-pelanggan ditamatkan.
- Semua jumlah yang perlu dibayar di bawah indemniti ini tidak akan tertakluk pada apa-apa potongan sama ada secara tolakan, tuntutan balas atau sebaliknya.
- 3.7 Pelantikan Bank sebagai ejen akan diselesaikan selepas obligasi Bank sebagai ejen untuk membeli dan ejen untuk menjual Komoditi bagi pihak Pelanggan dipenuhi.

4. Urus niaga Murabahah Komoditi

- 4.1 Urus niaga Murabahah Komoditi akan dilaksanakan pada hari Perdagangan seperti yang berikut:-
- 4.1.1 Pelanggan mengarahkan Bank ("ejennya") untuk melaksanakan urus niaga pembelian ("Urus niaga Pembelian") bagi pembelian Komoditi untuk amaun yang hendak didepositkan semasa Tempoh Pemegangan tersebut;
- 4.1.2 Pelanggan akan membayar Harga Pembelian kepada Bank dengan segera untuk Urus niaga Pembelian itu;
- 4.1.3 Bank kemudiannya sebagai ejen bagi pihak Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Pembelian daripada Pembekal untuk Tempoh Deposit berkenaan;
- 4.1.4 Selepas itu, Pelanggan boleh menjual dan Bank boleh membeli Komoditi itu pada Harga Jualan Tertunda ("Urus niaga Jualan");
- 4.1.5 Urus niaga Pembelian akan dilaksanakan pada hari peletakan yang sama yang dibuat mulai pukul 9.30 pagi hingga 4.00 petang mulai Isnin hingga Jumaat. Apa-apa peletakan yang dibuat selepas tarikh yang ditentukan itu akan berkuat kuasa pada hari Perdagangan berikutnya.
- 4.2 Tiada urus niaga boleh dibuat dalam apa-apa Komoditi yang mengandungi babi, minuman beralkohol, tembakau, dadah, emas, perak atau barang yang tidak boleh diterima oleh Pelanggan dan Bank.
- 4.3 Harga Jualan akan dikira seperti yang berikut:-

$$\text{Harga Jualan} = \text{Amaun Peletakan} + \text{Keuntungan}$$

- 4.4 Fi brokeraj/perdagangan untuk membeli dan menjual komoditi akan ditanggung oleh Bank.

5. Pengiraan Keuntungan/Pembayaran Keuntungan

- 5.1 Keuntungan akan dikira seperti yang berikut:-

$$\text{Keuntungan} = \text{Amaun Peletakan} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times \text{Tempoh Pemegangan} / 365 \text{ atau } 366 \text{ hari}$$

Bahagian B: Terma dan Syarat Am

1. Pembukaan Akaun

- 1.1 Saya/Kami/Organisasi diberi kuasa untuk membuka akaun pelanggan dan dengan ini memberikan butiran yang diperlukan untuk membuka akaun dan mengisytiharkan bahawa semua maklumat adalah betul. Saya/Kami/Organisasi mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank mengenai perubahan pada butiran saya/kami/Organisasi.

2. Peletakan dan Tempoh Pemegangan

- 2.1 Wang yang didepositkan dalam DB-i mestilah dalam Ringgit Malaysia ("RM") sahaja. Deposit minimum dalam DB-i dan tempoh pemegangan deposit akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- 2.2 Tempoh pemegangan deposit:-

- (a) Tempoh Pemegangan Biasa:-

Antara 1 hingga 60 bulan (disediakan dalam gandaan 1 bulan).

(b) Tempoh Pemegangan Ganjil:-

Melebihi 1 bulan hingga 12 bulan, misalnya 32 hari, 40 hari, 100 hari, 275 hari, dsbnya.

2.3 Bagi tujuan urus niaga, saya/kami/Organisasi akan membuka dan menyenggara (jika saya/kami/Organisasi belum membuka dan menyenggara) Akaun Simpanan-i/Semasa-i dengan Bank.

2.4 Penerimaan dan/atau pembaharuan peletakan tersebut, tempoh pemegangan dan kadar yang disebut harga terdahulu bagi DB-i adalah mengikut budi bicara mutlak Bank. Sekiranya terdapat cek yang didepositkan bagi peletakan dan/atau peletakan Resit/Makluman Pengesahan Peletakan DB-i dikeluarkan kepada saya/kami ia akan tertakluk pada penjelasan cek berkenaan.

3. Pembaharuan

3.1 Opsyen Pembaharuan:-

(a) Tempoh Pemegangan Biasa:-

Apabila matang, DB-i akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh yang sama dan pada kadar keuntungan semasa.

(b) Tempoh Pemegangan Ganjil:-

Tiada pembaharuan automatik apabila matang.

3.2 Pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan.

4. Resit Deposit Bertempoh-i (DB-i)

4.1 Semua Resit Deposit Bertempoh-i yang dikeluarkan oleh Bank mesti mempunyai tandatangan Pegawai Dibenarkan Bank.

4.2 Saya/Kami/Organisasi mengesahkan bahawa arahan pembaharuan automatik yang diberi bagi semua peletakan deposit sedia ada saya/kami dan kematangan berikutnya hendaklah diperbaharui secara automatik bagi tempoh yang sama pada kadar keuntungan semasa kecuali dimaklumkan sebaliknya oleh saya/kami. Notis makluman secara bertulis mesti diberi tidak kurang dari tujuh (7) hari sebelum tarikh matang peletakan deposit berkenaan.

4.3 Pembayaran akan dibuat kepada penandatangan dibenarkan apabila Resit DB-i dikemukakan.

4.4 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dengan kadar keuntungan yang dinyatakan di dalam Resit DB-i.

4.5 Saya/Kami/Organisasi akan mengisi arahan pada halaman belakang Resit DB-i apabila membuat pengeluaran atau pembaharuan.

4.6 Resit DB-i yang diperbaharui secara automatik itu akan dikeluarkan apabila diminta dan apabila Resit DB-i yang asal tamat tempoh/matang diserahkan kepada dan diterima oleh Bank.

4.7 Resit DB-i yang asal hendaklah disimpan di tempat yang selamat pada setiap masa. Sekiranya Resit DB-i itu tiada atau sekiranya Resit DB-i itu hilang/tersalah letak/rosak, saya/kami/Organisasi akan memberi kepada Bank suatu indemniti saya/kami yang boleh diterima oleh Bank. Bagaimanapun, Bank berhak untuk menolak, tanpa memberi apa-apa sebab, permohonan untuk mengeluarkan perolehan atau untuk penggantian Resit DB-i itu, mengikut keadaan. Keputusan Bank adalah muktamad.

5. Keuntungan

5.1 Keuntungan bagi DB-i akan tamat pada tarikh matang. Keuntungan terakru bagi DB-i itu tertakluk pada hak Bank untuk memegang jumlah berkenaan seperti yang diperlukan sebagai cukai pegangan atau cukai lain, levi atau pengenaan lain.

5.2 Kadar Keuntungan:-

(a) Tempoh Pemegangan Biasa:-

DB-i bagi pelbagai tempoh pemegangan deposit akan ditentukan terlebih dahulu pada tarikh peletakan.

(b) Tempoh Pemegangan Ganjil:-

Akan disebut harga oleh Bahagian Perbendaharan.

5.3 Pembayaran Keuntungan:-

(a) Tempoh Pemegangan Biasa:-

Keuntungan berkenaan dengan DB-i bagi tempoh melebihi dua belas (12) bulan akan dibayar setiap enam (6) bulan atau pada sela masa lain seperti yang mungkin dipersetujui di antara Bank dengan Pelanggan. Pembayaran akan dibuat kepada Pelanggan tertakluk pada pengemukaan identiti Pelanggan dan pengeluaran Resit DB-i yang disahkan dengan sewajarnya seperti yang dinyatakan di atas atau di bawah aturan bertulis khas terlebih dahulu dengan Bank. Bagi tempoh deposit yang lain, keuntungan akan dibayar apabila matang.

(b) Tempoh Pemegangan Ganjil:-

Hanya apabila matang.

- 5.4 Keuntungan dikira berdasarkan bilangan hari sebenar untuk bulan-bulan yang penuh.
- 5.5 Pengeluaran Pramatang:-
- (a) Saya/Kami/Organisasi mengizinkan pemberian Ibra' (rebat) kepada Bank kesemua keuntungan selepas pengeluaran dana atau deposit sebelum tarikh kematangan. Tiada keuntungan akan dibayar kepada saya/kami/Organisasi sekiranya pengeluaran pramatang dibuat.
- (b) Sekiranya keuntungan DB-i dikreditkan dalam Akaun Semasa/Simpanan-i saya/kami/Organisasi atas dasar setiap bulan atau setiap enam (6) bulan dan pengeluaran pramatang DB-i dibuat, keuntungan yang dikreditkan sebelum pengeluaran DB-i itu akan ditolak daripada wang pokok sebelum prosid daripada pengeluaran DB-i itu dilepaskan kepada saya/kami/Organisasi.
- 5.6 Sekiranya tarikh kematangan DB-i jatuh bukan pada Hari Perniagaan, Bank akan melaksanakan Pembayaran pada Hari Perniagaan berikutnya. Pelanggan bersetuju bahawa tiada keuntungan tambahan yang perlu dibayar oleh Bank kepada Pelanggan. "Hari Perniagaan" bermaksud satu hari (kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) institusi kewangan dibuka untuk perniagaan di Malaysia.

6. Liabiliti

- 6.1 Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi kepada saya/kami kerana mematuhi atau tidak mematuhi arahan pembayaran sekiranya arahan pembayaran yang dikeluarkan oleh saya/kami tidak lengkap atau mempunyai maksud yang kabur atau sekiranya depositnya tidak mencukupi untuk membiayai caj bank dan amaun yang ditentukan dalam arahan sedemikian atau yang disebabkan oleh atau berikutan perniagaan atau operasi, dihalang atau terganggu oleh penangguhan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, pindaan dan/atau pemalsuan disebabkan oleh kecuaiian, permusuhan, gangguan elektrik atau bekalan tenaga atau telekomunikasi atau sistem rangkaian komunikasi lain, rusuhan, kepungan, mogok, embargo atau kegagalan mesin atau peralatan.
- 6.2 Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank menurut apa-apa arahan yang dikatakan ditandatangani oleh saya/kami atau wakil dibenarkan saya/kami akan menjadi pelepasan yang lengkap dan Bank akan dibebaskan daripada liabiliti kepada saya/kami dan mana-mana pihak.
- 6.3 Saya/Kami/Organisasi akan menanggung rugi Bank, sebagai bank pemungut, untuk semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa juga liabiliti lain dan pada bila-bila masa yang Bank mungkin alami atas apa-apa instrumen yang dikemukakan oleh saya/kami bagi pemungutan dan akan dianggap sebagai telah dipungut atas permohonan saya/kami secara lisan dalam setiap keadaan bagi kredit akaun saya/kami.
- 6.4 Apabila Bank menerima atau mengalami liabiliti bagi pihak saya/kami atau atas permintaan saya/kami, apa-apa dana atau sekuriti dan barang berharga lain yang didepositkan dengan Bank milik saya/kami dan yang terdapat pada Bank hendaklah secara automatik menjadi sekuriti Bank. Bank boleh memegang dana atau sekuriti atau barang berharga tersebut dalam simpanan Bank atau mana-mana bahagian daripadanya dan berhak untuk tidak menerima apa-apa arahan pengeluaran sehingga liabiliti itu selesai.
- 6.5 Saya/Kami/Organisasi dengan ini memberi keizinan kepada Bank untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menurut pematuhan arahan mereka dan/atau syarikat dalam Kumpulan Public Bank dan institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian kredit yang *bona fide*.
- 6.6 Sekiranya Bank mengambil atau diwajibkan untuk mengambil peguam cara untuk menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah ini dan/atau yang seumpama dengannya sama ada prosiding kehakiman atau apa juga bentuk berkenaan dengan akaun saya/kami, saya/kami/Organisasi akan dipertanggungjawabkan untuk membayar Bank semua kos, fi dan caj berkenaan dengannya dan Bank berhak untuk mendebitkan akaun saya/kami untuk kos, fi dan caj berkenaan.
- 6.7 Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab bagi dan saya/kami/Organisasi akan menanggung rugi Bank sepenuhnya dan mengelakkan Bank daripada semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin dialami oleh saya/kami atau oleh Bank dengan mana-mana atau semua akaun perbankan, atau pelaksanaan oleh Bank apa-apa arahan atau jika mana-mana akaun bank saya/kami atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh kerajaan atau pihak berkuasa rasmi.
- 6.8 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukan disebabkan oleh kecuaiian atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kos, kerugian, caj dan/atau ganti rugi yang saya/kami/Organisasi tanggung atau alami berkaitan dengan apa-apa kegagalan, gangguan atau kerosakan sistem atau infrastruktur yang digunakan oleh Bank.

7. Hak untuk Menolak Selesai

- 7.1 Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa selain apa-apa lien am atau hak serupa lain yang Bank sebagai jurubank mungkin berhak dari segi undang-undang, Bank boleh pada bila-bila masa, dengan notis awal selama tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun perbankan saya/kami dengan Bank dan liabiliti kepada Bank walau apa pun keadaannya dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah baki kredit yang terdapat dalam Akaun DB-i ini atau untuk membayar apa-apa liabiliti kami kepada Bank sama ada liabiliti kepada Bank itu adalah pada masa ini, pada masa hadapan, sebenar, luar jangka, utama atau cagaran atau berasingan atau bersejajam.
- 7.2 Sekiranya penggabungan, tolak selesai atau pindahan sedemikian memerlukan pertukaran satu mata wang kepada satu mata wang yang lain, pertukaran sedemikian hendaklah dikira pada kadar pertukaran semerta semasa Bank (seperti yang ditentukan secara muktamad oleh Bank) bagi pembelian mata wang yang saya/kami dipertanggungjawabkan dengan mata wang sedia ada yang telah ditukarkan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian berikutan pelaksanaan haknya ini.

8. Perubahan Rekod

- 8.1 Saya/Kami/Organisasi akan memaklumkan kepada Bank dengan segera secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam rekod yang berkaitan yang disimpan dengan Bank seperti perubahan tandatangan dibenarkan, pertukaran rakan kongsi (bagi akaun perkongsian), perubahan pada Memorandum dan Tataurusan Persatuan atau Perlembagaan, perubahan alamat dsbnya.

9. Pengantungan Akaun

- 9.1 Akaun saya/kami dan/atau pengendalian akaun saya/kami mungkin ditutup, ditamatkan, diantunq atau dibeku di bawah mana-mana keadaan yang berikut:-
- 9.1.1 Kematian, hilang akal atau bankrap;
- 9.1.2 Bagi syarikat terhad, pengemukaan petisyen penggulangan terhadap saya/kami; dan/atau
- 9.1.3 Perkhidmatan apa-apa proses guaman atau perintah mahkamah kepada Bank terhadap akaun saya/kami.

10. Akaun Orang di Bawah Umur

- 10.1 Dengan ini, saya/kami mengesahkan dan bersetuju bahawa akaun ini bukanlah akaun amanah mahu pun akaun bersama dengan orang di bawah umur. Saya/Kami ialah penjaga/ibu atau bapa orang di bawah umur tersebut dan bersetuju dan mengakui bahawa saya/kami adalah Pelanggan Bank.
- 10.2 Saya/Kami bersetuju bahawa apabila orang di bawah umur itu mencapai umur lapan belas (18) tahun, saya/kami, bersama-sama dengan orang di bawah umur itu akan bersama-sama memberi arahan baharu dan memberi mandat bagi pengendalian akaun berkenaan. Sehingga mandat baharu diterima oleh Bank, mandat sedia ada akan terus berkuat kuasa.
- 10.3 Sekiranya saya/kami meninggal dunia sebelum orang di bawah umur itu mencapai umur lapan belas (18) tahun, akaun orang di bawah umur itu akan dibekukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan akaun itu akan dirujuk kepada wasi/Pentadbir harta pusaka saya/kami. Bank berhak untuk bertindak atas nasihat penasihat undang-undangnya. Kos dan perbelanjaan yang dialami daripada itu akan didebitkan daripada akaun berkenaan.
- 10.4 Sekiranya saya/kami atau orang di bawah umur itu beragama Islam, akaun tersebut akan tertakluk pada Syariah.

11. Akaun Bersama

- 11.1 Kami, pemegang-pemegang akaun bersetuju bahawa sekiranya salah seorang pemegang akaun meninggal dunia, Bank dibenarkan untuk membayar baki yang terhutang dalam kredit akaun ini kepada mereka yang masih hidup dan pembayaran tersebut hendaklah merupakan bayaran yang sah oleh Bank akan jumlah yang perlu dibayar daripada akaun ini.
- Kami secara bersekesama dan berasingan bersetuju untuk menanggung rugi pada setiap masa daripada dan mengelakkan Bank daripada dan terhadap apa-apa prosiding, tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dibawa terhadap atau yang dialami atau ditanggung oleh Bank disebabkan oleh pembayaran baki kredit dalam akaun kepada pemegang akaun yang masih hidup.
- 11.2 Kami bersetuju dengan kaedah pengendalian akaun seperti yang dinyatakan dalam borang membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang disempurnakan oleh kami. Kami juga bersetuju dan mengakui bahawa mandat yang diberi berkaitan dengan pengendalian akaun ini boleh ditamatkan oleh salah seorang daripada kami dan Bank berhak untuk mengambil tindakan yang sama. Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak akan membenarkan apa-apa pengeluaran dibuat daripada akaun tersebut sehingga mandat baharu diterima daripada kami.
- 11.3 Kami, pemegang akaun, bersetuju dan membenarkan Bank:-
- 11.3.1 Untuk mengkreditkan dalam dana Akaun Bersama, sama ada secara tunai atau melalui pindahan dana elektronik, cek dan instrumen boleh niaga lain milik atau belum dibayar kepada mana-mana/salah seorang daripada kami. Sebagai balasan bagi di atas dan Bank bersetuju untuk meletakkan semua amaun yang diterima daripada Bank sama ada secara tunai atau melalui pindahan dana elektronik atau menggunakan cek dan instrumen boleh niaga lain atas nama mana-mana daripada kami/salah seorang daripada kami dalam kredit akaun bersama dan untuk menyerahkan apa-apa instrumen atau cek yang Bank mungkin pegang bagi akaun bersama tersebut kepada mana-mana/salah seorang daripada kami; dan
- 11.3.2 Untuk menerima pemberitahuan bertulis, dalam bentuk yang diterima oleh Bank, ditandatangani dengan sewajarnya dan dikemukakan oleh kami mengenai hasrat kami untuk menutup Akaun Bersama tersebut. Sekiranya kami tidak hadir di Bank, kami bersetuju bahawa Bank akan menutup Akaun Bersama itu setelah menerima notis pemakluman secara bertulis yang dikemukakan sendiri kepada Bank oleh salah seorang daripada kami. Selanjutnya, kami bersetuju dan mengakui bahawa apa-apa arahan daripada kami kepada Bank untuk menutup Akaun Bersama itu yang dikemukakan secara lisan atau melalui telefon, faksimile atau e-mel internet tidak akan diterima oleh Bank.

Dengan ini kami secara bersekesama dan berasingan mengaku janji untuk mengelakkan Bank walau bagaimana sekali pun daripada menanggung rugi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, tindakan, saman, ganti rugi, kos, caj, perbelanjaan dan liabiliti lain apa juga pun dan pada bila-bila masa pun yang dialami atau berikutan pemberian kuasa di atas, tertakluk pada hak Bank untuk menolak pada bila-bila masa dan atas budi bicara Bank untuk apa juga sebab apa-apa tunai, pindahan dana elektronik, cek atau instrumen deposit boleh niaga yang lain, atau oleh sebab Bank enggan untuk bertindak atas arahan kami untuk menutup Akaun Bersama itu dan membayar baki yang ada dalam Akaun Bersama sebagaimana yang diarahkan oleh kami.

12. **Akaun Luar**

- 12.1 Akaun luar boleh dibuka oleh bukan pemastautin (iaitu seorang individu, firma, institusi atau syarikat yang bukan pemastautin).
- 12.2 Seorang bukan pemastautin tidak dibenarkan untuk mempunyai akaun pemastautin.
- 12.3 Sumber dan kegunaan dana dalam Akaun Luar adalah tertakluk pada peraturan-peraturan yang dikenakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Notis-notis Dasar Pertukaran Mata Wang Asing.

13. **Akaun Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP)**

Kami, wakil Organisasi, untuk dan bagi pihak LLP, dengan ini:-

- 13.1 Mengesahkan bahawa penandatanganan dibenarkan bagi pengendalian Akaun LLP bukanlah seorang bankrap dan mereka/mana-mana daripada mereka dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam pengendalian LLP;
- 13.2 Mengesahkan bahawa kami akan memaklumkan dengan segera kepada Bank secara bertulis mengenai:-
- 13.2.1 Apa-apa perubahan rakan kongsi LLP dan/atau apa-apa perubahan tandatangan dibenarkan bagi pengendalian akaun LLP dan
- 13.2.2 Mana-mana rakan kongsi yang bankrap, dan kemudiannya menjadi bankrap dan dalam keadaan sedemikian, kami, wakil rakan kongsi akan mengemukakan kepada Bank Notis yang berkaitan yang diserahkan dengan Pendaftaran mengenai penamatan Rakan Kongsi atau kemasukan Rakan kongsi baharu atau Resolusi baharu yang telah disahkan memaklumkan kepada Bank mengenai perubahan dalam penandatanganan dibenarkan dalam akaun LLP, mengikut keadaannya;

14. **Cap Getah**

- 14.1 Cap getah firma/syarikat/pertubuhan/kelab/persatuan mesti diletakkan pada borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank berserta tandatangan contoh orang yang dibenarkan untuk mengendalikan akaun tersebut.

15. **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)**

- 15.1 Deposit yang disenggara oleh saya/kami dalam Akaun ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000.00 bagi setiap pendeposit.
- 15.2 Wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans saya/kami tidak lagi dilindungi oleh PIDM, jika:
- 15.2.1 Tujuannya adalah bagi pembelian unit dalam skim unit amanah/pembukaan akaun simpanan dalam Lembaga Tabung Haji/pembukaan skim simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).
- 15.2.2 Ia adalah untuk pembelian atau untuk dipindahkan kepada:
- (a) Akaun deposit yang boleh dibayar di luar Malaysia;
 - (b) Akaun deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan di Labuan atau perniagaan perbankan Islam di Labuan;
 - (c) Akaun deposit yang dipegang oleh ahli bukan pengambil deposit PIDM; atau
 - (d) Akaun bukan deposit (termasuk tanpa pengehadan pada skim unit amanah, akaun perdagangan sekuriti, akaun pelaburan emas tetapi tidak termasuk produk takaful atau insurans).
- 15.3 Akaun Amanah
- 15.3.1 Saya/Kami/Organisasi sebagai pemegang amanah akaun ini mengakui bahawa saya/kami/Organisasi perlu menyediakan dan menyerahkan maklumat dan dokumen yang berikut kepada Bank mengikut klausa 3(1) Peraturan-peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Keperluan Pendedahan untuk Akaun Amanah dan Akaun Bersama) (Pindaan) 2022 ("Peraturan PIDM"):-
- (a) Penyata yang menunjukkan bahawa deposit dalam akaun dipegang secara amanah oleh saya/kami/Organisasi;
 - (b) Nama, alamat dan kad pengenalan atau nombor pasport saya/kami/Organisasi atau apa-apa butir pengenalan lain yang dapat diterima oleh Bank; dan
 - (c) Butir-butir benefisiari bagi akaun tersebut.
- 15.3.2 Saya/kami/Organisasi selaku pemegang amanah mengaku bahawa jika tujuan akaun berkenaan adalah untuk mana-mana skim e-wang, saya/kami/Organisasi perlu menyediakan dan menyerahkan maklumat dan dokumen yang berikut kepada Bank mengikut klausa 3(2) Peraturan PIDM:-
- (a) Penyata yang menunjukkan bahawa deposit dalam akaun dipegang secara amanah oleh saya/kami/Organisasi;
 - (b) Apa-apa dokumen sokongan yang diterima oleh Bank yang menunjukkan bahawa:-
 - (i) Deposit dalam akaun dipegang secara amanah oleh saya/kami/Organisasi bagi tujuan skim e-wang; dan

(ii) Pengeluar wang elektronik/e-wang ialah pengeluar wang elektronik/e-wang yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

(c) Nama, alamat dan kad pengenalan atau nombor pasport saya/kami/Organisasi atau apa-apa butir pengenalan saya/kami yang dapat diterima oleh Bank.

15.3.3 Saya/Kami/Organisasi mengaku janji bahawa:-

(a) Saya/Kami/Organisasi akan memaklumkan pada Bank dengan segera sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada maklumat dan/atau dokumen yang diserahkan kepada Bank; dan

(b) Sekiranya Bank meminta apa-apa maklumat dan/atau dokumen mengikut Peraturan PIDM, saya/kami/Organisasi perlu menyerahkan maklumat dan/atau dokumen berkenaan kepada Bank dengan segera.

15.3.4 Sekiranya saya/kami/Organisasi gagal mematuhi klausa di atas, Bank berhak menggantung dan/atau menutup akaun tersebut.

16. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) Dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk

16.1 Saya/Kami/Organisasi memahami dan mengakui bahawa menurut Seksyen 146 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("APKI"), Bank dibenarkan dari segi undang-undang untuk memberikan maklumat mengenai urusan saya/kami, akaun perbankan atau penyenggaraannya (termasuk kedudukan kredit saya/kami) kepada pihak ketiga seperti yang dibenarkan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membenarkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka. Saya/Kami/Organisasi dengan ini memberi kebenaran tidak boleh ubah kepada Bank dan membenarkan Bank untuk memberikan maklumat yang berkaitan kepada mana-mana penjamin, pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dan syarikat bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti yang Bank mengikut budi bicara menganggap wajar untuk membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya.

17. Notis Perlindungan Data dan Keizinan

17.1 Saya/Kami/Organisasi maklum bahawa Notis Privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi saya/kami dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya boleh didapati melalui laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperolehi dari mana-mana cawangan Bank.

17.2 Saya/Kami/Organisasi juga maklum mengenai tujuan Bank memaklumkan kepada saya/kami maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan Syarikat-syarikat gabungannya. Senarai Syarikat gabungan Bank boleh didapati dalam Notis Privasi Bank.

17.3 Saya/Kami/Organisasi memahami bahawa saya/kami/Organisasi layak untuk mendapat akses kepada dan untuk memohon agar dibuat pembedaan mengenai maklumat peribadi yang ada pada Bank dan saya/kami boleh memaklumkan kepada Bank untuk tidak lagi menggunakan maklumat peribadi saya/kami itu bagi tujuan yang dinyatakan dalam Bahagian B: Terma dan Syarat Am klausa 17.2 di atas dan bahawa permintaan ini boleh dibuat secara bertulis kepada Bank melalui cawangan pemegang akaun saya/kami atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

18. Akta Wang Tak Dituntut 1965

18.1 Saya/Kami/Organisasi maklum tentang peruntukan mengenai Akta Wang Tak Dituntut 1965, bahawa:-

18.1.1 DB-i yang diperbaharui secara automatik akan dikelaskan sebagai wang tak dituntut tujuh (7) tahun dari tarikh urus niaga terakhir yang dibuat oleh saya/kami.

18.1.2 Dana dalam akaun itu hendaklah dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

18.2 Saya/Kami/Organisasi bersetuju untuk pergi ke Bank sebelum tamatnya tempoh tujuh (7) tahun yang dinyatakan di atas untuk membuat pengeluaran atau pendepositan untuk mengaktifkan semula akaun tersebut. Sebagai balasan kepada pihak Bank kerana bersetuju dengan permohonan saya/kami, saya/kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji untuk tidak mempertanggungjawabkan dan akan menanggung rugi Bank bagi semua liabiliti atas kelewatan/ketinggalan/kesilapan dalam melaksanakan arahan saya/kami di atas.

18.3 Jika saya/kami/Organisasi gagal untuk mengaktifkan semula akaun itu, saya/kami maklum bahawa Bank akan memberi kami notis awal selama dua puluh satu (21) hari sebelum langkah-langkah untuk memindahkan dana dalam akaun kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dibuat.

19. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Akta Haram 2001 (AMLATFPUAA)

19.1 Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa Pelanggan hendaklah pada setiap masa mengikut dan mematuhi AMLATFPUAA berkenaan dengan semua urus niaga yang dibuat dalam DB-i atau perkara yang berkaitan dengannya secara langsung atau tidak langsung yang mana:-

19.1.1 Bank berhak untuk menyimpan semua rekod mengenai urus niaga Pelanggan dan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan Pelanggan seperti yang mungkin diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana arahan kerajaan atau pengawal selia bagi tujuan pematuhan pada AMLATFPUAA.

- 19.1.2 Pelanggan mengaku janji untuk menyediakan kepada Bank semua maklumat dan dokumen yang berkaitan apabila diminta bagi tujuan pengenalanpastian Pelanggan dan pengesahan sumber dana di bawah prinsip “Kenali Pelanggan Anda”.
- 19.1.3 Pelanggan mengesahkan bahawa semua wang yang dibayar/didepositkan dalam DB-i adalah dan diperoleh pada setiap masa daripada sumber yang sah dan bukannya daripada aktiviti yang tidak sah.

20. Standard Pelaporan Biasa (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

- 20.1 “**CRS**” ialah Undang-undang Percukaian Biasa mengenai Pertukaran Maklumat secara Automatik yang diperkenalkan oleh Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin. Ia menghendaki Public Bank Berhad dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya termasuk subsidiari, syarikat-syarikat berkaitan dan cawangan (“Kumpulan PBB”), mana yang berkenaan, untuk mengumpul maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin atau rakyat Malaysia yang merupakan pemastautin cukai asing untuk melaporkan maklumat berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan untuk bertukar-tukar maklumat kewangan pelanggan dengan wilayah bidang kuasa kena lapor CRS pada setiap tahun.
- 20.2 “**FATCA**” ialah undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) yang memerlukan Kumpulan PBB yang mengambil bahagian dalam aturan FATCA sama ada melalui Perjanjian Antara Kerajaan atau melalui Perjanjian Institusi Kewangan Asing untuk melaporkan maklumat akaun yang berkaitan dengan Orang A.S. menerusi LHDNM/pihak berkuasa percukaian yang berkaitan atau terus kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS) pada setiap tahun.
- Dalam mencapai matlamat penguatkuasaan dan pematuhan pada undang-undang cukai FATCA dan CRS, Kumpulan PBB bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat peribadi tambahan pelanggan, persijilan dan dokumen daripada semua pelanggan individu yang mempunyai hubungan perniagaan dan urusan dengan Kumpulan PBB. Maklumat sedemikian boleh diperoleh semasa akaun dibuka atau pada bila-bila masa selepas itu, terutamanya sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan.
- 20.3 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat perubahan pada maklumat saya/kami/Organisasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pertukaran alamat kediaman/perniagaan, nombor telefon, kerakyatan, maklumat pengenalanpastian cukai peribadi/organisasi, pemilihan syarikat dsbnya. Saya/Kami/Organisasi akan mengemukakan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan, dokumen yang diperlukan bagi membuktikan perubahan tersebut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh perubahan.
- 20.4 Dengan ini saya/kami/Organisasi secara nyata mengizinkan Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan untuk mendedahkan maklumat percukaian saya/kami/Organisasi bagi tujuan pelaporan CRS dan FATCA yang termasuk tetapi tidak terhad pada Nombor Pengenalan Cukai (TIN) saya/kami/Organisasi kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang lain bagi tujuan untuk memastikan pematuhan Bank dan Kumpulan PBB kepada undang-undang yang diterima pakai dan peraturan-peraturan di bawah FATCA dan CRS.
- 20.5 Dengan ini saya/kami/Organisasi mengesahkan bahawa:-
- 20.5.1 Saya/Kami/Organisasi akan mematuhi semua kewajipan saya/kami di bawah klausa 20.3 dan 20.4 di atas;
- 20.5.2 Semua maklumat yang diberikan oleh saya/kami/Organisasi dalam bentuk borang dan dokumen adalah lengkap dan/atau diberikan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan adalah benar, betul, boleh dipercayai dan terkini; dan
- 20.5.3 Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB dibenarkan untuk mendedahkan maklumat akaun kewangan saya/kami/Organisasi kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan seperti yang diperlukan.
- 20.6 Dengan ini saya/kami/Organisasi mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya saya/kami/Organisasi enggan, gagal dan/atau abai dalam mengemas kini rekod saya/kami/Organisasi dengan Bank atau Kumpulan PBB atau mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberi maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau lapuk kepada Bank atau Kumpulan PBB, Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, berhak untuk melaksanakan yang berikut:-
- 20.6.1 Menutup akaun saya/kami/Organisasi dengan Bank dan apa-apa akaun yang saya/kami/Organisasi ada dengan Kumpulan PBB;
- 20.6.2 Enggan memberi perkhidmatan baharu Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, kepada saya/kami/Organisasi; dan
- 20.6.3 Memberi maklumat akaun saya/kami/Organisasi kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan dalam memenuhi kewajipan FATCA dan CRS Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan.
- 20.7 Saya/Kami/Organisasi mengesahkan bahawa saya/kami/Organisasi akan mendapatkan nasihat guaman bebas mengenai kewajipan saya/kami/Organisasi di bawah FATCA dan CRS dan akan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada nasihat itu dan selanjutnya mengesahkan bahawa Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB tidak berkewajipan untuk memberi nasihat guaman dan/atau cukai mengenai perkara tersebut.

21. Perkhidmatan e-Perbankan

- 21.1 Saya/Kami yang merupakan individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas akan diberi Perkhidmatan e-Perbankan Bank, tertakluk pada syarat yang dikenakan oleh Bank dan penerimaan oleh saya/kami akan terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank.
- 21.2 Saya/Kami bersetuju bahawa penggunaan, akses kepada dan penamatan Perkhidmatan e-Perbankan Bank adalah tertakluk pada terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank yang boleh didapati melalui laman web Bank.

22. Notis dan Komunikasi

- 22.1 Saya/Kami/Organisasi akan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan alamat. Segala surat-menyurat yang dihantar melalui pos oleh Bank yang dialamatkan atau dihantar ke alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank dan dianggap sebagai telah dihantar kepada saya/kami.
- 22.2 Semua notis dan komunikasi kepada saya/kami adalah secara bertulis dan boleh dihantar melalui e-mel internet atau dipamerkan di permis dan laman web Bank. Apa-apa proses undang-undang boleh dihantar kepada saya/kami melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir saya/kami yang didaftarkan dengan Bank dan hendaklah dianggap telah dihantar dengan sewajarnya dan diterima oleh saya/kami.
- 22.3 Bank boleh mengenakan atau mengubah apa-apa fi dan caj dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu itu di premis Bank dan melalui laman web Bank.

23. Perakuan

- 23.1 Saya/Kami/Organisasi dikehendaki untuk menyempurnakan dan melengkapkan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang dilampirkan sebagai sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.

24. Dasar Antisogokan dan Antirasuah Bank

- 24.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antisogokan dan Antirasuah ("Dasar ABAC") yang menerima pakai "pendekatan toleransi sifar" terhadap apa jua bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC ini, sila layari laman web Bank.
- 24.2 Saya/Kami/Organisasi hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan sogokan atau rasuah yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 24.3 Bank berhak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang diberikan kepada saya/kami/Organisasi dengan serta-merta sekiranya saya/kami/Organisasi didapati melanggar Dasar ABAC itu atau didapati terlibat dengan apa-apa amalan sogokan atau rasuah.

25. Force Majeure

- 25.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan kewajibannya di bawah terma dan syarat ini berikutan apa-apa sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad pada:-
- 25.1.1 Sebarang peralatan, sistem atau pautan transmisi yang rosak atau gagal untuk berfungsi;
- 25.1.2 Sebarang kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, bencana alam, ketentuan Tuhan, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami;
- 25.1.3 Sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, bekalan air dan minyak; atau
- 25.1.4 Apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan kewajibannya di bawah terma dan syarat ini,
- 25.2 Bank tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang saya/kami/Organisasi mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

26. Lain-Lain

- 26.1 Saya/Kami/Organisasi mengaku bahawa sebelum atau pada waktu akaun dibuka, saya/kami/Organisasi tidak:-
- 26.1.1 Melakukan apa-apa tindakan kebankrapan; dan/atau
- 26.1.2 Tertakluk pada apa-apa resolusi atau petisyen pembubaran atau ketidakmampuan bayar yang dibuat/dikemukakan terhadap saya/kami.
- Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa sekiranya saya/kami telah melanggar mana-mana yang tersebut di atas, Bank akan menutup akaun ini tanpa memberi notis terlebih dahulu.
- 26.2 Dengan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank dan menurunkan cap getah organisasi, saya/kami/Organisasi mengesahkan bahawa saya/kami telah menerima, membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengannya dan apa-apa pindaan atau perubahan ke atasnya yang Bank mungkin perkenalkan, semak, ubah atau ganti kemudiannya seperti mana yang terdapat dalam laman web Bank dan/atau pada papan kenyataan di cawangan-cawangan dan/atau yang mungkin dimaklumkan melalui apa juga cara yang diluluskan.
- 26.3 Saya/Kami/Organisasi selanjutnya bersetuju bahawa dengan terus mengekalkan dan menyenggara operasi akaun (akaun-akaun) saya/kami selepas tarikh kuat kuasa pindaan atau perubahan yang dibuat, saya/kami/Organisasi menerima pindaan dalam Terma dan Syarat yang mengikat ke atas saya/kami.
- 26.4 Saya/Kami/Organisasi, dengan ini bersetuju untuk membayar Bank bagi apa-apa caj/perbelanjaan yang dikenakan berikutan daripadanya dan apa-apa fi atau komisen lain, atau untuk caj perkhidmatan yang berkenaan, fi pengendalian atau apa-apa fi atau caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank atau cukai lain yang berkenaan yang dikenakan sama ada dikuatkuasakan pada masa ini atau yang akan dikuatkuasakan dan yang boleh dicaj menurut undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh saya/kami.

- 26.5 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji:-
- 26.5.1 Untuk tidak mendedahkan identiti laluan (ID) dan kod laluan/kata laluan kepada mana-mana orang, melalui e-mel, panggilan telefon atau melalui laman web yang tidak diminta selain daripada laman web rasmi Bank dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mendapatkan kod laluan/kata laluan dan memastikan peranti keselamatan dilindungi pada setiap masa; dan
- 26.5.2 Untuk memeriksa semua urus niaga pantas pada waktunya dan untuk menyemak baki akaun, penyata mana-mana akaun bank atau instrumen pembayaran yang ditetapkan secara tetap, untuk mengesan urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan, dan untuk melaporkan kepada Bank dan pengeluar instrumen pembayaran secepat mungkin yang munasabah sekiranya urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan.
- 26.6 Selanjutnya, saya/kami/Organisasi mengaku janji untuk membuat laporan mengenai kod laluan/kata laluan yang telah diterobos atau mengenai kehilangan peranti keselamatan kepada Bank secepat mungkin yang munasabah, sebaik sahaja menyedari mengenai penerobosan atau kehilangan tersebut dan mengaku janji untuk melaporkan dengan segera kepada Bank mengenai kesilapan atau percanggahan yang ditemui dalam mana-mana penyata atau entri. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa maklumat secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkenaan dengan entri debit atau entri kredit dalam penyata tersebut, saya/kami/Organisasi akan dianggap sebagai telah menerima entri berkenaan yang dibuat sehingga tarikh akhir entri dalam penyata tersebut sebagai betul dan konklusif dan, dengan itu, menerima pakai kesemua pengeluaran atau debit lain kepada akaun di dalam ini.
- 26.7 Walau apa pun peruntukan dalam ini, Bank berhak untuk menghalang pengendalian Akaun DB-i ini sekiranya Bank mengesyaki bahawa akaun tersebut digunakan untuk apa juga tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 26.8 Terma dan syarat di dalam ini hendaklah tertakluk pada peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan apa-apa pengubahsuaian lain padanya atau apa-apa arahan daripada BNM atau badan kawal selia lain sedemikian. Bank juga berhak atas budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda atau menyemak semula apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam ini serta ciri-ciri dan manfaat akaun tersebut dengan memberi kepada saya/kami notis awal selama dua puluh satu (21) hari dan/atau memaparkan notis mengenai semakan itu di premis dan melalui laman web Bank.
- 26.9 Saya/Kami/Organisasi akan memastikan semua urus niaga yang dibuat melalui akaun saya/kami/Organisasi tidak dan tidak akan menyalahi mana-mana undang-undang dan peraturan yang diterima pakai.
- 26.10 Undang-undang dan peraturan di atas mengawal selia peraturan am bagi pembukaan dan pengendalian Akaun DB-i dan mungkin berubah bergantung kepada jenis produk Akaun DB-i.

Bahagian C: Terma dan Syarat Khusus

1. **Akaun Deposit Bertempoh-i PIBB Malaysia Rumah Kedua Ku (DB-i PIBB MM2H)**
 - 1.1 Bayaran akan dibuat kepada penandatanganan dibenarkan apabila Resit Deposit Bertempoh-i PIBB Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) yang disahkan dengan sewajarnya dikemukakan oleh pelanggan dan adalah tertakluk pada terma dan syarat pengeluaran oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.
 - 1.2 Terma dan syarat dalam ini tertakluk pada peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan apa-apa pengubahsuaian lain padanya atau apa-apa arahan daripada BNM atau sebagaimana yang diarahkan dan dikehendaki oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan atau Kementerian atau badan kawal selia lain dari semasa ke semasa.
2. **Peletakan Deposit Bertempoh-i tanpa Resit Deposit Bertempoh-i (Deposit Bertempoh-i tanpa Sijil)**
 - 2.1 Bagi peletakan DB-i yang mana tiada Resit DB-i dikeluarkan, satu Makluman Pengesahan Peletakan DB-i akan dikeluarkan selepas Bank mendapat dan menerima peletakan DB-i tersebut.
 - 2.2 Entri dalam Makluman Pengesahan Peletakan akan dianggap sebagai bukti konklusif tentang arahan saya/kami kepada Bank untuk melaksanakan peletakan seperti yang dinyatakan dalam Makluman Pengesahan Peletakan berkenaan.
 - 2.3 Makluman Pengesahan Peletakan itu hanyalah perakuan peletakan suatu deposit dalam Akaun DB-i. Makluman Pengesahan Peletakan itu bukanlah dokumen hak milik atau bukti bahawa peletakan DT masih wujud dan tidak akan dengan sendirinya merupakan bukti yang mencukupi untuk menyangkal apa-apa rekod dalam sistem Bank. Rekod dalam sistem Bank berkaitan dengan Akaun DB-i akan dianggap sebagai muktamad. Justeru, pengemukaan Makluman Pengesahan Peletakan tidak melayakkan saya/kami untuk mengeluarkan amaun Makluman Pengesahan Peletakan daripada Bank.
 - 2.4 Selepas matang, peletakan DB-i akan secara automatik diperbaharui bagi tempoh kontraktual dan pada kadar faedah sedia ada. Dalam keadaan sedemikian, tiada Makluman Pengesahan Peletakan akan dikeluarkan oleh Bank bagi tempoh diperbaharui itu melainkan atas permintaan saya/kami. Satu Makluman Pengesahan Peletakan bagi tempoh diperbaharui semasa akan mengatasi semua Makluman Pengesahan Peletakan yang dikeluarkan oleh Bank sebelum ini.
 - 2.5 Bagi pengeluaran peletakan DB-i, saya/kami akan menyempurnakan arahan pengeluaran pada slip urus niaga Bank dengan butiran yang berkaitan dan tidak perlu mengemukakan Makluman Pengesahan Peletakan.

Jika terdapat pertikaian atau percanggahan antara teks Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.